

KOMPETENSI GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM DI BILIK DARJAH

HAFIZAN BIN MOHAMAD DAIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2022

KOMPETENSI GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM DI BILIK DARJAH

HAFIZAN BIN MOHAMAD DAIN

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

UPSI/PS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada¹¹(hari bulan) JANUARI (bulan) 20²².....

i. Perakuan pelajar :

Saya, HAFIZAN BIN MOHAMAD DAIN, M20181001001, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KOMPETENSI GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM DI BILIK DARJAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof Madya Dr. Mohamad Marzuqi Abdul Rahim (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Kompetensi Guru Pelatih Pendidikan Islam di Bilik Darjah

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Islam

(SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind. 01 m/s/1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KOMPETENSI GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM
DI BILIK DARJAH

No. Matrik / Matric's No.: M20181001001

Saya / I: HAFIZN BIN MOHAMAD DAIN
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan dimana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 25 JANUARI 2022

PROF. Madya DR. MOHAMAD WAZUHI ABUL HANIM
PENYELIA
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMAMPUAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali-sekala dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya dan bantuan-Nya dapat jualah kesempatan waktu dan kekuatan untuk menyiapkan penulisan disertasi ini. Selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda SAW, sahabat baginda SAW serta orang-orang yang mengikuti jejak langkah baginda SAW. Dengan jasa dan pengorbanan mereka dapatlah kita merasai rahmat Iman dan Islam yang dibawa ke seluruh alam.

Setinggi-tinggi penghargaan buat Profesor Madya Dr. Mohamad Marzuqi bin Abdul Rahim yang begitu sabar dalam membimbing serta memberi tunjuk ajar, pandangan, nasihat dan idea sehingga terhasilnya disertasi ini. Semoga Allah SWT membalas jasa baiknya dengan sebaik-baik ganjaran dan dikurniakan kesihatan yang baik.

Sekalung budi buat para pensyarah Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI yang mencurahkan ilmu yang sangat tinggi nilainya sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada diri ini sepanjang keberadaan saya di UPSI (2009 – kini). Semoga Allah SWT membalas jasa budi baik kalian dengan ganjaran dunia dan akhirat. Sesungguhnya insan ini masih dahagakan ilmu yang kalian sampaikan. Semoga masih ada kesempatan untuk menuntut ilmu daripada kalian kelak.

.....

Terima kasih buat isteri tercinta Nurul Hidayu dan juga anakanda tersayang Annur Hanani Fahimah dan Azzahra Hafiyya Faqihah kerana sentiasa sabar dan faham akan kekangan tenaga dan waktu sepanjang penulisan disertasi ini. Sesungguhnya besar pengorbanan kalian kali ini.

Buat ayahanda, Mohamad Dain dan bonda, Alimah yang sentiasa mendoakan anakanda, semoga ayahanda dan bonda dikurniakan kesihatan yang baik dan sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Begitu juga ahli keluarga, adik beradik dan juga keluarga mertua yang sentiasa mendoakan, semoga kalian sentiada dalam perlindungan Rahmat-Nya.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kompetensi guru-guru pelatih pendidikan Islam di dalam bilik darjah. Kajian melibatkan 150 orang responden yang terdiri daripada guru IPG Kampus Bangi dan UPSI yang dipilih secara rawak. Instrumen kajian yang dibina telah disahkan oleh beberapa pakar penilai dan juga melalui kajian rintis dengan nilai kebolehpercayaan (Pengetahuan Pedagogi, $\alpha=0.850$), (Pengetahuan Kandungan, $\alpha=0.879$), (Pengetahuan Teknologi, $\alpha=0.902$), (Pengetahuan Tentang Murid, $\alpha=0.905$) dan (Nilai, $\alpha=0.918$). Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan pendekatan kuantitatif. Data dikumpulkan melalui soal selidik dan dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian SPSS 22.0. Dapatan kajian mendapati tahap kompetensi guru pelatih adalah tinggi dengan ($\text{min}=4.18$). Berdasarkan hasil ujian-t, didapati tidak ada perbezaan signifikan antara tahap kompetensi guru berdasarkan jantina ($t=1.861$, $p=0.065$) dan tahap kompetensi berdasarkan institusi ($t=0.897$, $p=0.371$). Selain itu, dapatan kajian juga mendapati terdapat hubungan signifikan antara komponen nilai dengan komponen pengetahuan tentang murid ($r=0.730$, $p<0.01$), nilai dengan pengetahuan pedagogi ($r=0.683$, $p<0.01$), nilai dengan pengetahuan teknologi ($r=0.624$, $p<0.01$) dan nilai dengan pengetahuan kandungan ($r=0.552$, $p<0.01$). Keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan tahap kompetensi guru pelatih pendidikan Islam adalah tinggi yang membolehkan mereka bersedia untuk berkhidmat di lapangan sebenar. Implikasi kajian membawa kepada komponen nilai yang perlu dimasukkan dalam kerangka PPK mahupun PPTK yang merupakan tunjang jati diri Guru Pendidikan Islam sebagai *muaddib*.





COMPETENCY OF ISLAMIC EDUCATION TRAINEE TEACHERS IN THE CLASSROOM

ABSTRACT

This study aims to examine the level of competence of trainee teachers of Islamic education in the classroom. The study involved 150 respondents consisting of IPG Kampus Bangi and UPSI trainee teachers who were randomly selected. The constructed research instruments were validated by several expert evaluators and also through pilot studies with reliability values (Pedagogical Knowledge, $\alpha = 0.850$), (Content Knowledge, $\alpha = 0.879$), (Technological Knowledge, $\alpha = 0.902$), (Knowledge About Pupils, $\alpha = 0.905$) and (Value, $\alpha = 0.918$). This study uses a survey method with a quantitative approach. Data were collected through questionnaires and analyzed descriptively and inferentially using SPSS 22.0 software. The findings of the study found that the level of competence of trainee teachers was high with (mean = 4.18). Based on the results of t-test, it was found that there was no significant difference between the level of teacher competence based on gender ($t = 1.861$, $p = 0.065$) and the level of competence based on institution ($t = 0.897$, $p = 0.371$). In addition, the study also found that there is a significant relationship between the value component with the component of knowledge about students ($r = 0.730$, $p < 0.01$), value with pedagogical knowledge ($r = 0.683$, $p < 0.01$), value with technological knowledge ($r = 0.624$, $p < 0.01$) and values with content knowledge ($r = 0.552$, $p < 0.01$). Overall, the findings of the study show that the level of competence of Islamic education trainee teachers is high which allows them to be prepared to serve in the real field. The implications of the study lead to the value component that needs to be included in the framework of PCK or TPACK which is the backbone of the identity of Islamic Education Teachers as *muaddib*.





ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	11
1.8 Kepentingan Kajian	14
1.9 Batasan Kajian	15
1.10 Definisi	17
1.11 Kesimpulan	19
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	20
2.1 Pendahuluan	20
2.2 Kompetensi Guru Menurut Pandangan Sarjana Islam	20
2.2.1 Pandangan al-Ghazali terhadap kompetensi guru	22
2.2.2 Pandangan al-Shatibi terhadap kompetensi guru	27
2.3 Komponen Kompetensi Guru	30



2.3.1	Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK)	32
2.3.2	Pengetahuan Teknologikal Pedagogikal Kandungan (PTPK)	33
2.3.3	Kompetensi Guru	34
2.4	Kajian-kajian Lepas Yang Berkaitan	47
2.5	Kesimpulan	52
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		53
3.1	Pendahuluan	53
3.2	Reka Bentuk Kajian	53
3.2.1	Lokasi Kajian	54
3.2.2	Populasi dan Persampelan	55
3.2.3	Instrumen Kajian	57
3.2.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan	58
3.2.5	Kajian Rintis	59
3.2.6	Kaedah Pengumpulan Data	60
3.2.7	Kaedah Penganalisan Data	60
3.3	Kesimpulan	61
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		62
4.1	Pendahuluan	62
4.2	Latar Belakang Responden	63
4.3	Analisis Deskriptif Kompetensi Guru Pelatih	65
4.3.1	Tahap kompetensi guru di bilik darjah	66
4.3.2	Rumusan Tahap Kompetensi	87
4.3.3	Analisis Inferensi	88
4.4	Kesimpulan	92
BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN		93
5.1	Pendahuluan	93
5.2	Ringkasan Kajian	94
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	95
5.3.1	Analisis deskriptif	95
5.3.2	Analisis Inferensi	100
5.4	Rumusan Dan Implikasi Kajian	103
5.5	Cadangan Kajian	107
5.6	Kesimpulan	108



RUJUKAN LAMPIRAN

110



**SENARAI JADUAL****No. Jadual****Muka Surat**

3.1	Populasi dan Sampel Kajian	55
3.2	Taburan Populasi dan Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	55
3.3	Jumlah item instrumen soal selidik	57
3.4	Kebolehpercayaan <i>Cronbach's Alpha</i> (α) hasil dapatan Kajian Rintis	59
4.1	Taburan responden mengikut jantina	63
4.2	Taburan responden mengikut jantina berdasarkan institusi	64
4.3	Taburan responden mengikut institusi	64
4.4	Taburan responden mengikut tahap pengajian tertinggi	65
4.5	Analisis deskriptif pengetahuan pedagogi	67
4.6	Analisis deskriptif pengetahuan kandungan	71
4.7	Analisis deskriptif pengetahuan teknologi	75
4.8	Analisis deskriptif pengetahuan tentang murid	79
4.9	Analisis deskriptif nilai	83
4.10	Perbandingan min konstruk kompetensi guru pelatih	87
4.12	Perbezaan skor min berdasarkan jantina	88
4.13	Perbezaan skor min berdasarkan institusi	88
4.11	Hubungan komponen nilai dengan komponen kompetensi	89
4.12	Rumusan Analisis Inferensi	91



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian diadaptasi daripada PPTK' (Mishra dan Koehler, 2009), PPK (Shulman, 1986) , al-Ghazali (2015) dan al-Shatibi (2004)	13
2.1	Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK), Shulman (1986)	33
2.2	Kerangka Teori Pengetahuan Teknologikal Pedagogikal Kandungan (PTPK) (Adaptasi daripada Koehler & Mishra, 2009)	33



SENARAI SINGKATAN

IPG	Institut Pendidikan Guru
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PCK	<i>Pedagogical Content Knowledge</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PTPK	Pengetahuan Teknologikal Pedagogikal Kandungan
PP	Pengetahuan Pedagogi
PK	Pengetahuan Kandungan
PT	Pengetahuan Teknologi
PTM	Pengetahuan Tentang Murid
PPK	Pengetahuan Pedagogikal Kandungan
SAW	Sallallahu 'Alaihi Wasalam
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
SWT	Subhanahu Wa Ta'ala
TPACK	<i>Technological Pedagogical Content Knowledge</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



BAB 1

PENGENALAN



Peranan guru sangat penting dalam memacu pembangunan negara. Guru bertanggungjawab melahirkan generasi pewaris negara yang bertamadun dan sejahtera di dunia dan di akhirat. Selain itu, guru juga memainkan peranan penting dalam peradaban manusia dengan terbuktinya institusi-institusi pendidikan di seluruh dunia. Peranan guru agama pula menjadikan umat manusia kembali kepada fitrah kejadian manusia. Nabi Muhammad SAW telah menunjukkan contoh ikutan yang terbaik untuk umatnya mendapatkan keredaan Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT,

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ
وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Terjemahannya:





Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

(al-Quran, al-Ahzab:21)

Dalam ayat di atas, Allah SWT telah menjelaskan bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan contoh ikutan terbaik yang perlu diikuti oleh umat Islam yang mengharapkan keredhaan Allah dan balasan baik di akhirat. Dalam situasi zaman ini golongan pendidik merupakan pewaris nabi dalam menyebarkan ilmu pengetahuan. Dalam bidang pendidikan, golongan pendidik perlu mempunyai kompetensi dalam bidang tertentu agar dapat berdaya saing menangani perkara yang terkehadapan. Kompetensi yang dimaksudkan ialah kemahiran profesional guru berdasarkan amalan nilai profesionalisme, pengetahuan dan kefahaman, dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Sebagai guru agama, peranannya tidak dilihat hanya sebagai guru yang mengajar di sekolah tetapi mampu menjadi seorang individu yang disenangi dan disegani oleh masyarakat selain dapat membentuk akhlak pelajar (Zaharah Hussin, 2005). Guru yang berakhlak mulia akan memberi kesan yang baik kepada pelajar dan masyarakat. Ini amat bersesuaian dengan tugas Nabi Muhammad SAW yang juga merupakan seorang guru. Firman Allah SWT,

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ
الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Terjemahan:

Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (al-Quran) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syarak). dan Sesungguhnya





mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

(al-Quran, al-Jumu'ah: 2)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan guru yang menyampaikan pengetahuan dan mengeluarkan masyarakat daripada kesesatan dan kejahilan. Baginda mampu mendidik dan bersabar dengan segala ujian yang dihadapi sepanjang perjalanan dakwah baginda mengajak manusia kepada ajaran Islam. Kaedah dakwah dan kemuliaan akhlak yang ditonjolkan oleh baginda seharusnya diikuti oleh umat manusia.

Kaedah pengajaran yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW meliputi segala bentuk kesempurnaan yang wajar dicontohi oleh semua golongan pendakwah dan pendidik (Suhadak Mahmud, 2013). Sebagai seorang guru terutamanya guru agama haruslah mencontohi kaedah pengajaran dan dakwah Nabi Muhammad SAW serta memiliki kompetensi tertentu agar seiring dengan perkembangan pendidikan semasa.

1.2 Latar Belakang Kajian

Graduan institut pengajian tinggi yang mengikuti program pendidikan sama ada ijazah sarjana muda pendidikan mahupun ijazah sarjana muda perguruan merupakan bakal-bakal guru yang akan meneruskan jalan dakwah Nabi Muhammad SAW. Bakal-bakal guru ini akan menjadi guru yang akan mengisi kekosongan guru-guru di sekolah seluruh negara.



Peranan guru bukan sahaja terhad kepada mengajar pengetahuan malahan peranan guru berdasarkan falsafah pendidikan adalah membentuk manusia yang baik melalui proses yang berterusan untuk mengubah, melatih dan mendidik akal, jasmani dan rohani manusia berteraskan sumber wahyu bagi melahirkan insan yang mengabdikan diri dan yang takut kepada Allah SWT untuk mendapatkan keredhaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat (Rohizan Ya, Ab. Halim Tamuri, Mohd Musnizam, Khairul Najah dan Mohd Hishamuddin, 2012).

Di negara kita, guru dan warga pendidik diangkat martabatnya dengan penghargaan beberapa anugerah oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Tanggal 16 Mei setiap tahun merupakan hari yang dinanti-nantikan oleh semua warga pendidik. Selain menerima hadiah dan cenderahati daripada anak didik, warga pendidik yang berkecayaan juga turut menerima anugerah peringkat daerah, negeri mahupun peringkat kebangsaan. Warga pendidik ini diberi penghargaan yang sewajarnya oleh pihak-pihak tertentu atas kesungguhan dan kebolehan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan berdedikasi. Warga pendidik inilah yang menjadi contoh kepada rakan-rakan sejawat agar sentiasa menjalankan amanah dengan sebaik-baiknya. Pengiktirafan ini menunjukkan guru yang berkompetensi merupakan keutamaan sesebuah institusi pendidikan.

Perancangan yang teliti sangat diperlukan dalam sesebuah pengajaran. Hal ini kerana pengajaran merupakan satu perancangan menjalankan proses pembelajaran yang ditetapkan bagi tempoh yang ditetapkan (Mohamad Marzuqi, Ahmad Yussuf, Abd Hadi & Muhammad Akramin, 2016). Oleh itu, perancangan bagi menyiapkan diri para

guru pelatih dari segi rohani dan jasmani untuk mencapai sesebuah matlamat sangat ditekankan sebagaimana firman Allah SWT,

﴿وَلَوْ أَرَادُوا الْخُرُوجَ لَأَعَدُّوا لَهُ عُدَّةً وَلَكِنْ كَرِهَ اللَّهُ انْبِعَاثَهُمْ فَثَبَّطَهُمْ وَقِيلَ اقْعُدُوا مَعَ الْقَاعِدِينَ﴾^(٤٦)

Terjemahan:

Dan kalaulah mereka mahu keluar (untuk turut berperang), tentulah mereka menyediakan persiapan untuknya; tetapi Allah tidak suka pemergian mereka, lalu dilemahkanNya semangat mereka, dan dikatakan (oleh Syaitan): "Tinggallah kamu bersama-sama orang-orang yang tinggal".

(al-Quran, at-Taubah: 46)

Selain persiapan rohani dan jasmani guru pelatih, pengetahuan dalam bidang pendidikan Islam juga perlu dititik beratkan. Hal ini kerana setiap warga pendidikan mestilah mempunyai kepakaran dan pengetahuan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran sebagaimana firman Allah SWT,

﴿وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ﴾^(١٢٢)

Terjemahan:

Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

(al-Quran, at-Taubah: 122)

Justeru itu, guru pelatih merupakan bakal guru yang akan mewarisi legasi guru-guru yang cemerlang ini. Program-program bidang keguruan di negara kita masih menjadi keutamaan di peringkat KPM. Pelajar-pelajar yang mengikuti bidang keguruan juga dipilih berdasarkan kriteria tertentu bagi meneruskan kesinambungan sistem pendidikan negara. Walau bagaimanapun, sebagai mahasiswa masih wujud kelemahan

dan kekurangan yang perlu diperbaiki agar dapat menjadi seorang guru yang mempunyai tahap kompetensi yang tinggi.

1.3 Pernyataan Masalah

Guru memainkan peranan penting dalam memastikan generasi akan datang dapat meneruskan kepimpinan, pembangunan, kesejahteraan dan kestabilan negara. Bidang keguruan menjadi elemen penting di sesebuah negara. Hampir setiap negara mempunyai kolej atau universiti yang menawarkan program keguruan. Di negara kita selain UPSI yang merupakan satu-satunya universiti pendidikan, terdapat universiti awam dan swasta yang menawarkan program pendidikan yang khusus melahirkan bakal-bakal guru. Kursus-kursus yang ditawarkan kepada bakal-bakal guru ini merupakan pendedahan kepada bidang pendidikan di pelbagai peringkat sama ada di peringkat pendidikan awal kanak-kanak sehinggalah ke peringkat menengah. Kursus-kursus yang ditawarkan sepanjang program pengajian tersebut adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan serta membentuk karakter sebagai seorang guru dan pendidik.

Fungsi dan peranan guru seharusnya bergerak seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menjadi panduan utama dalam melaksanakan pelbagai perancangan pendidikan masa depan di negara.

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan

berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

(Akta Pendidikan Kebangsaan 1996)

Merujuk pernyataan akta tersebut, salah satu tujuan atau matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan warganegara yang berakhlak mulia. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, guru dan warga pendidikan memainkan peranan yang sangat penting kerana berada di dalam institusi pendidikan itu sendiri. Walau bagaimanapun, falsafah pendidikan ini masih belum dapat dihayati sepenuhnya oleh golongan pendidik terutamanya guru pelatih.

Terkini, ekoran pandemik *Corona Virus Deases-19* (Covid-19), ramai ibu bapa mengeluh dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) yang dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian dengan menggunakan medium yang pelbagai (Utusan Malaysia, 2021; Sinar Harian, 2021). Pelaksanaan PdPR secara digital sepenuhnya ini mencabar keupayaan guru-guru untuk menterjemahkan proses PdP ini mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan (Berita Harian, 2021). Selain itu, pelaksanaan PdPR ini juga menguji kebolehan dan kecekapan guru dalam perkembangan teknologi terkini.

Sehubungan itu, guru pendidikan Islam memerlukan satu panduan khusus atau garis panduan dalam melaksanakan tugas sebagai guru pendidikan Islam yang baik. Menurut Sofiah Mohamed, Kamarul Jasmi dan Muhammad Azhar (2016) guru Pendidikan Islam seharusnya menjadikan teori Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya'*



‘Ulum al-Din sebagai rujukan sepenuhnya oleh para guru dalam bidang berkaitan akhlak dan membentuk karakter sebagai guru.

Hal ini dikuatkan lagi dengan pernyataan daripada Sarimah Mokhtar, Mohd Kashfi, Ab. Halim Tamuri dan Kamarulzaman (2011) iaitu pendidikan akhlak sangat penting kerana dasar pendidikan dalam Islam itu sendiri hakikatnya menekankan konsep “ta’dib” iaitu pembentukan peribadi, sikap dan sahsiah. Sarimah Mokhtar etc.al (2011) juga mendapati Pendidikan Islam di negara masih dikatakan pada tahap separa matang. Hal ini disebabkan sistem pendidikan negara lebih mementingkan pembangunan luaran tetapi tidak menekankan aspek pembinaan kerohanian.

Peranan guru pendidikan Islam dalam masyarakat dan warga sekolah masih belum mencapai tahap yang tinggi. Hal ini disebabkan terdapat segelintir guru pendidikan Islam belum mempamerkan contoh terbaik atau *role model* dalam masyarakat (Ab. Halim dan Khairul Azman, 2010).

Keupayaan guru pelatih dalam proses pengajaran dan pembelajaran masih perlu ditambah baik. Menurut Salleh Abd Rashid, Mohd Yusof Abdullah dan Raja Ismail (2008) kajian lepas terhadap guru pelatih mendapati terdapat tujuh kelemahan utama yang ditunjukkan oleh guru pelatih dalam melaksanakan pengajaran iaitu kelemahan mengurus kelas, kelemahan menaksir kemajuan pelajar, kelemahan menyediakan iklim pembelajaran, kurang keyakinan, kelemahan berkomunikasi, sumber pembelajaran terbatas dan kelemahan menggunakan bahan bantuan mengajar.



Menurut Chee Kim Mang (2008) kualiti guru-guru permulaan daripada persepsi pentadbir sekolah masih belum di tahap yang sangat memuaskan. Masih ramai guru permulaan yang lemah dalam kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Kajian daripada Zakaria Kasa dan Abdul Rahman (1995) pula mendapati terdapat lapan masalah utama yang dihadapi guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar. Lapan masalah itu ialah waktu pengajaran yang berkesan, kesesuaian alat bantu mengajar, kaedah pengajaran yang sesuai, mengenali latar belakang murid, mengingat nama murid, menangani masalah kewangan, menangani masalah kerisauan dan menyediakan soalan yang pelbagai.



melaksanakan tugas sebagai pendidik sering dipersoalkan dan ditimbulkan oleh sebilangan guru berpengalaman dan masyarakat. Kecekapan dan keupayaan ataupun disebut sebagai kompetensi guru pelatih perlu dikaji semula daripada pelbagai sudut agar dapat meningkatkan martabat profesion keguruan.

Justeru itu, pelaksanaan latihan dan pendedahan dunia pendidikan kepada guru pelatih seharusnya dilaksanakan secara berterusan agar guru-guru pelatih ini dapat menggalas amanah dan tugas mendidik dengan lebih baik. Selain itu, latihan yang berterusan ini juga dapat memperbaiki kelemahan sedia ada guru pelatih tersebut.



1.4 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti tahap kompetensi guru pelatih daripada aspek pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan, pengetahuan teknologi, pengetahuan tentang murid dan nilai di bilik darjah.
2. Menganalisis perbezaan kompetensi guru pelatih berdasarkan demografi.
3. Menganalisis hubungan yang signifikan antara komponen nilai dengan pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan, pengetahuan teknologi dan pengetahuan tentang murid dalam melaksanakan pengajaran pendidikan Islam.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap kompetensi guru pelatih dalam pengajaran di bilik darjah?
2. Adakah wujud perbezaan kompetensi guru pelatih berdasarkan demografi?
3. Adakah terdapat hubungan signifikan antara komponen nilai guru pelatih dengan pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan, teknologi dan pengetahuan tentang dalam melaksanakan pengajaran pendidikan Islam?

1.6 Hipotesis Kajian

Bagi soalan kajian pertama, data yang diperoleh akan dianalisis dan diuraikan secara deskriptif dengan menggunakan skor min, sisihan piawai dan peratus. Manakala soalan

kajian kedua dan ketiga pula akan dihuraikan secara inferential. Bagi mencapai tujuan ini sebanyak tiga hipotesis nol seperti berikut akan diuji.

H₀₁ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kompetensi guru berdasarkan jantina.

H₀₂ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kompetensi guru berdasarkan institusi pendidikan.

H₀₃ Tidak terdapat hubungan yang signifikan komponen nilai dengan pengetahuan pedagogi dalam melaksanakan pengajaran pendidikan Islam.

H₀₄ Tidak terdapat hubungan yang signifikan komponen nilai dengan pengetahuan kandungan dalam melaksanakan pengajaran pendidikan Islam.

H₀₅ Tidak terdapat hubungan yang signifikan komponen nilai dengan pengetahuan teknologi dalam melaksanakan pengajaran pendidikan Islam.


H₀₆ Tidak terdapat hubungan yang signifikan komponen nilai dengan pengetahuan tentang murid dalam melaksanakan pengajaran pendidikan Islam.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Konsep kompetensi guru telah diperbincangkan oleh penyelidik-penyelidik lain sebelum ini dengan menekankan konsep profesionalisme keguruan. Setiap guru memainkan peranan membawa hala tuju pendidikan negara sebagaimana yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Manakala bagi guru pendidikan Islam pula, Falsafah Pendidikan Islam (FPI) merupakan nadi utama dalam meneruskan tugas-tugas dakwah yang diwarisi daripada Rasulullah SAW dan para sahabat. Selain itu, tokoh-tokoh sarjana Islam juga telah banyak merumuskan ciri-ciri

guru yang baik dan keperluan atau bekalan penting untuk menjadi seorang pendidik. Oleh itu, kajian ini menggunakan beberapa pendekatan dan teori bagi membentuk kerangka konseptual kajian. Elemen-elemen kompetensi guru pelatih juga diadaptasikan dan disepadankan antara pandangan sarjana Islam dengan konsep Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) oleh Shulman (1986); dan Pengetahuan Teknologikal Pedagogikal Kandungan (PTPK) oleh Mishra dan Koehler (2009).

Shulman (1986) serta Mishra dan Koehler (2009) masing-masing menekankan konsep pengetahuan yang bervariasi. Berdasarkan konsep tersebut, pengkaji telah menentukan beberapa elemen kompetensi guru yang turut diubahsuai daripada kajian-kajian lepas. Elemen kompetensi guru ini merangkumi perkara penting perlu diberi perhatian dalam mengukur tahap keupayaan guru pelatih pendidikan Islam.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian diadaptasi daripada al-Ghazali (2015) dan al-Shatibi (2004), PPTK (Mishra dan Koehler, 2009) dan PPK (Shulman, 1986)



1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan bagi mengkaji kompetensi dalam kalangan mahasiswa yang mengambil bidang pendidikan Islam di universiti awam (UA) dan Institut Pendidikan Guru (IPG). Profesion keguruan merupakan profesion yang dipandang tinggi dan mempunyai nilai-nilai yang tersendiri walaupun tiada panduan khusus disediakan untuk menggambarkan kepentingan guru kepada bangsa dan negara. Guru berperanan penting dalam memastikan jiwa negara bangsa tidak lupus. Oleh itu, guru yang kompeten dan berakhlak mulia akan melahirkan generasi yang berpendidikan dan berpengetahuan selain menjadi contoh ikutan oleh para murid dan masyarakat. Kajian ini berkepentingan kepada pihak-pihak tertentu bagi merealisasikan hasrat kementerian dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu untuk mengangkat profesion guru sebagai pilihan masyarakat.

i. Kementerian Pendidikan Malaysia

Kajian ini boleh dijadikan sebagai *literatur review* kepada pihak kementerian khususnya dalam perkara yang berkaitan profesionalisme guru, latihan guru dan pembangunan guru. Hasil kajian ini boleh memberi gambaran berkenaan kekurangan yang ada pada bakal-bakal guru yang boleh dibuat kajian selanjutnya.

ii. Institut Pengajian Tinggi

Hasil kajian daripada kajian ini boleh dijadikan panduan dalam membuat semakan semula program-program perguruan yang dilaksanakan di IPT khususnya universiti awam. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPT



masing-masing boleh ditambah baik bagi memastikan matlamat utama kursus adalah melahirkan bakal guru yang kompeten.

iii. Pentadbir Sekolah

Pihak pentadbir sekolah atau pemimpin sekolah boleh merancang pelaksanaan pembangunan guru di sekolah bagi menambah baik persekitaran sekolah dan memperkasakan guru-guru.

iv. Guru-guru

Sebagai garis panduan dan senarai semak kepada guru-guru berkenaan kriteria kompetensi yang perlu ada dalam diri pendidik yang harus ditambah baik dari semasa ke semasa.

Hal ini kerana, guru atau pendidik turut berada dalam masyarakat dan mestilah berperanan bukan sekadar menyampaikan ilmu pengetahuan tetapi perlu menjadi seorang *mudarris*, *mualim*, *muaddib*, *murabbi* dan juga sebagai *mursyid* (Mohammad Rusdi, 2017). Sebagai seorang guru dan pendidik sewajarnya mempunyai satu tahap kompetensi yang dinilai daripada pelbagai aspek.

1.9 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kompetensi guru berdasarkan pandangan sebahagian sarjana Islam yang dinyatakan di Bab 2 dan juga sebahagian komponen

dalam PPK serta PTPK seperti yang telah dijelaskan di dalam kerangka teori kajian.

Kajian ini juga mempunyai batasan tertentu dan dibahagikan mengikut kategori iaitu:

1. Batasan responden: Hanya melibatkan pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Bangi, Selangor dan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak yang telah mengikuti latihan mengajar sepanjang program pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Perguruan atau Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam).
2. Batasan tempat: Hanya melibatkan lokasi di Institut Pendidikan Guru Kampus Bangi, Selangor dan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
3. Batasan skop kajian: Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap kompetensi guru pelatih Pendidikan Islam semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran ni di bilik darjah atau di kelas. Elemen-elemen yang berkaitan dengan proses yang berlaku sepanjang pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah diterjemahkan dalam kajian ini sebagai komponen-komponen kompetensi iaitu pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan, pengetahuan teknologi, pengetahuan tentang murid dan nilai.

1.10 Definisi

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan beberapa definisi operasional yang mempunyai maksud tersendiri dengan tujuan kajian ini masih di dalam landasan yang tepat dan memfokuskan kepada permasalahan asal. Definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Kompetensi Guru

Kompetensi boleh didefinisikan sebagai pemilikan terhadap sesuatu pengetahuan, keterampilan, pertuturan atau kemampuan sebagai seorang guru dalam menentukan atau memutuskan sesuatu berdasarkan kekuasaan yang dimilikinya agar proses pembelajaran dapat berjalan baik. Bandura menjelaskan maksud kompetensi ialah keupayaan, kebolehan dan kemahiran seseorang melaksanakan tugas mengikut skop kerja yang ditetapkan dengan baik dan berkesan (Mohd Faiz, 2017).

KPM (2016) mendefinisikan kompetensi sebagai keupayaan individu menguasai dan membudayakan pengetahuan, kemahiran dan nilai profesional untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan.

KPM (2009) menyatakan kompetensi sebagai kemahiran guru berdasarkan amalan nilai profesionalisme, pengetahuan dan kefahaman dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran.

Dalam konteks kajian ini, kompetensi guru merujuk kepada tahap penguasaan dan keupayaan guru dalam komponen kompetensi yang ditetapkan iaitu pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan, pengetahuan teknologi, pengetahuan tentang murid dan nilai. Komponen kompetensi berikut merupakan asas pengetahuan yang perlu ada pada setiap guru.

2. Guru pelatih:

Guru pelatih menurut definisi umum kamus dewan ialah pelajar-pelajar yang di maktab perguruan yang bakal menjadi guru.

Guru pelatih dalam konteks kajian ini merupakan pelajar-pelajar yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) di UPSI dan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Pendidikan Islam di IPG Kampus Bangi yang telah selesai menjalani latihan mengajar atau praktikum bagi tempoh yang tertentu di sekolah.

Oleh itu, kompetensi guru pelatih pendidikan Islam dalam kajian ini membawa maksud kemampuan dan keupayaan bakal guru pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran di bilik darjah berdasarkan komponen pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan, pengetahuan teknologi, pengetahuan tentang murid dan nilai.

1.11 Kesimpulan

Peranan dan tanggungjawab seorang pendidik dan guru bukanlah sekadar menumpukan terhadap sukatan pelajaran sahaja bahkan lebih daripada itu. Golongan pendidik ini telah dipilih oleh Allah SWT untuk menggalas amanah besar bagi meneruskan tugas-tugas para nabi dan rasul dalam menyebarkan dakwah Islam ke seluruh alam. Tugas ini bukan hanya digalas oleh guru pendidikan Islam sahaja tetapi juga semua warga pendidik dengan menjadikan tugas dan tanggungjawab sebagai amanah dan ibadah kepada Allah SWT.